

## FILEM BERUNSURKAN ISLAM: SATU PENDEFINISIAN (*Islamic oriented film: A definition*)

Mohd Helmi Yusoh & Jamaluddin Aziz

### ABSTRAK

Makalah ini memfokuskan kepada pendefinisian filem berunsurkan Islam. Idea ini adalah sebuah idea dari Naim Ahmad bagi menjernihkan kekelabuan khalayak tentang definisi filem Islam. Memandangkan definisi filem berunsur Islam ini adalah sesuatu yang baharu dan masih kurang diteliti dari para sarjana, maka tujuan kertas kerja ini adalah untuk merungkai dan memantapkan definisi serta konsepnya agar lebih jelas dan sistematik. Hal ini kerana Naim Ahmad tidak menghuraikan definisi filem berunsurkan Islam dengan jelas dan ini membuka ruang untuk pengkemaskinian. Bagi kertas kerja ini, dua buah filem dari Indonesia arahan Hantung Bramantyo iaitu *Perempuan Berkalung Sorban* (2009) dan *Ayat-ayat Cinta* (2008) telah dipilih secara bertujuan bagi analisis tekstual secara mendalam. Watak wanita pula dipilih sebagai tumpuan analisis tekstual dengan menggunakan kerangka Teori Ilmu Sosial Profetik yang dipelopori oleh Kuntowijoyo sekitar tahun 1980-an. Teori yang berasaskan kitab Al Quran menerusi ayat 110 surah Ali 'Imran ini memiliki tiga prinsip iaitu Humanisasi, Liberasi serta Transendensi. Walaubagaimanapun, kertas kerja ini hanya memberikan tumpuan kepada satu prinsip sahaja iaitu Humanisasi. Kami ingin bahaskan di sini bahawa teori Ilmu Sosial Profetik ini dapat menyumbang kepada pengukuhan definisi filem berunsur Islam dengan memaparkan bagaimana prinsip Humanisasi wujud pada watak-watak wanita secara kolektif dalam kedua-dua buah filem.

**Kata Kunci:** Filem berunsurkan Islam, teori ilmu sosial profetik, watak wanita, genre, humanisasi

### ABSTRACT

This paper focuses on defining Islamic oriented film, an idea introduced by Naim Ahmad. This is an alternative idea conceptualized by Naim Ahmad to pave a more scholarly way in defining an Islamic film. Given that the concept of an Islamic oriented film is new - still less scrupulously described by scholars -, the aim of this paper is to demystify and therefore systematize the definitions and principles involved in defining an Islamic oriented film. This is because Naim Ahmad himself provides no clear principles of his concept. To elucidate this concept further, two films from Indonesia entitled *Perempuan Berkalung Sorban* (2009) and *Ayat-ayat Cinta* (2008) were purposely selected. The female character was chosen as the focus of the textual analysis. This analysis is framed by Prophetic Social Theory, a theory pioneered by Kuntowijoyo around the 1980s. The theory is based on the holy Quran through the verse-110 from Surah Ali 'Imran. It has three principles, which are Humanization, Liberation and Transcendence. However, this paper focuses only on the principle of Humanization. The findings indicate that both films contain Humanization principle as

communicated via the female characters. This shows that the theory used in this study can contribute towards defining Islamic oriented film.

**Keywords:** Islamic oriented film, Prophetic social science theory, female character, genre, humanization

## PENGENALAN

Diskusi tentang konsep filem Islam telah mengambil posisinya yang tersendiri dalam wacana masyarakat Islam pada hari ini. Sungguhpun begitu, perbincangan yang bersifat ontologi ini terlalu sedikit disudahkan dengan usaha-usaha ilmiah yang mapan dan ia hanya dibiarkan terbengkalai begitu sahaja. Sisa-sisa perdebatan yang dibiarkan tanpa pengurusan ilmiah serta sistematik ini berpotensi untuk mencetuskan gejala ketidakpastian dan kekeliruan di kalangan masyarakat (Rosmawati Mohamad Rasit 2012). Kekeliruan yang dilihat terus mengakar di sekeliling ruang perbincangan masyarakat awam ini akan terus menebal dan akhirnya akan mengakibatkan pelbagai masalah lain seperti penghasilan produk filem keagamaan dan kajian akademik yang kurang berkualiti. Sebagai contoh, dalam laporan akhbar yang ditulis oleh Rozdan Mazalan (2011), beliau menyatakan terdapat filem seperti *Hantu Bonceng* (2011) yang menggunakan nilai Islam pada cara yang salah. Justeru, secara umumnya makalah ini membentangkan perbincangan yang terkait dengan dua perkara dasar, iaitu agama Islam dan filem.

Jika dilihat pada sudut yang lebih mendasar, makalah ini secara khususnya memfokuskan kepada idea filem berunsurkan Islam yang dipelopori oleh seorang sarjana sains sosial, iaitu Naim Ahmad. Beliau telah menukikan idea filem berunsurkan Islam menerusi bukunya yang bertajuk *Filem Islam: Satu Pembicaraan* (2011). Dalam tulisannya, Naim Ahmad (2011:162) telah merumuskan bahawa terdapat tiga konsep filem keagamaan yang boleh dilihat melalui kanta agama Islam, iaitu “filem Islam, filem mungkar dan filem berunsurkan Islam.” Ketiga-tiga konsep ini perlu difahami oleh masyarakat bagi mengetahui asas umum konsep filem Islam yang sebenar. Pemahaman ini adalah penting kerana klasifikasi filem ataupun genre filem menghadirkan jangkaan pada khalayak kerana sifat genre itu adalah memiliki persamaan nilai pada naratif filem (Pramaggiore & Wallis 2011). Namun begitu, di antara ketiga-tiga konsep yang diberikan, filem berunsurkan Islam adalah yang paling kurang disentuh dan dihuraikan oleh beliau dan juga sarjana tempatan.

Konsep genre filem sebenarnya berpotensi untuk dimanfaatkan bagi menghasilkan sebuah filem berunsurkan Islam yang berkualiti. Hal ini kerana, genre boleh berfungsi dalam mengawal kandungan ataupun kreativiti dalam sesebuah filem. Dalam kajian melalui temubual oleh Jamaluddin Aziz (2014) bersama pengarah filem *Bunohan* (2012) iaitu Dain Said, pengarah tersebut menyatakan bahawa filem-filem yang bergenre bersifat lebih berdisiplin dan teratur dari segi kreativitinya. Oleh yang demikian, sesebuah genre itu perlu diteliti dan dipastikan apakah nilai-nilai utama yang perlu ada dalam naratifnya.

Konsep filem berunsurkan Islam ini merupakan satu konsep yang perlu dihuraikan lagi dan diberikan perhatian serius memandangkan sifatnya yang fleksibel dalam memberikan penyelesaian alternatif kepada definisi filem Islam. Selain daripada itu, idea ini juga dilihat selari dengan idea Kozlovic (2007) yang berpendapat bahawa filem keagamaan boleh diertikan sebagai filem yang memaparkan elemen keagamaan dalam mana-mana bahagian filem. Oleh yang demikian, idea filem berunsurkan Islam ini merupakan sebuah idea yang

relevan dan berpotensi untuk dikembangkan berdasarkan faktor praktikaliti dan keseragaman pandangan sarjana.

Melayari perbincangan yang bersifat ontologi seperti ini seharusnya memerlukan kaedah pemeriksaan ilmu yang sesuai. Hal ini kerana ontologi itu sendiri secara amnya bermaksud perbincangan tentang keberadaan serta ciri-ciri tentang sesuatu perkara ataupun lebih mudah difahami sebagai ilmu (Gringeri et al. 2013). Dalam usaha untuk menekuni sesuatu ilmu, pengkaji perlu mengetahui cara terbaik bagi membolehkan ilmu tersebut dihuraikan mengikut keadaan atau sifat ilmu tersebut. Oleh yang demikian, kajian filem berunsurkan Islam memerlukan satu cara khusus, sesuai dengan sifatnya yang tersendiri. Kaedah yang diaplikasikan bagi menganalisis filem berunsurkan Islam haruslah bersesuaian dengan nilai dan etika doktrin agama Islam.

Berdasarkan hujahan-hujahan yang telah dinyatakan, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan definisi filem berunsurkan Islam dengan menggunakan kerangka teori analisis khas iaitu teori Ilmu Sosial Profetik. Perungkaian definisi ini akan dapat memberi nilai tambah kepada definisi filem berunsurkan Islam, sekaligus meleraikan kekeliruan yang bermain di sekitar ruang pemikiran masyarakat, terutamanya masyarakat Islam di Malaysia. Kekeliruan yang dimaksudkan boleh berlaku dalam pelbagai sudut serta aspek. Misalnya, filem-filem yang menggunakan *tagline* atau slogan berunsurkan Islam seperti filem *7 Petala Cinta* (2012) yang menggunakan slogan “filem romantik Islamik” pada posternya. Penggunaan slogan seperti ini mengundang pertanyaan tentang kriteria yang digunakan oleh pengeluar filem dalam mengklasifikasikan filem mereka kepada kategori Islamik.

## FILEM BERUNSURKAN ISLAM

Perdebatan tentang definisi sebenar filem Islam telah mengundang pelbagai reaksi serta pendapat dari banyak pihak. Sebenarnya, kepelbagaian pandangan tentang definisi filem Islam ini adalah refleksi normal kepada fasa awal pembentukan sesebuah genre yang jitu (Giannetti 2011). Dalam fasa ini, kebiasaannya penonton atau masyarakat masih lagi dalam keadaan keliru dan tidak pasti dengan pola asas yang membentuk sesebuah genre tersebut. Situasi ini sebenarnya perlu dikawal agar masyarakat tidak terus berada di dalam keadaan keliru dan ragu yang mungkin boleh menyebabkan pelbagai impak negatif seperti penyalahgunaan definisi. Kekalutan ini akan berpanjangan sekiranya tiada usaha-usaha ilmiah dari para sarjana bagi menyelesaikan masalah yang bersifat kolektif ini. Berdasarkan kesedaran inilah, seorang sarjana sains sosial, iaitu Naim Ahmad (2011) bertindak memperkenalkan definisi alternatif terhadap polemik kekelabuan makna ini.

Selain dari konsep umum filem Islam, Naim Ahmad (2011:162) juga turut menerangkan pertentangan kepada konsep “filem Islam”, iaitu “filem mungkar”. Bagi memahami konsep filem mungkar adalah lebih mudah kerana ia sesuatu yang bertentangan dengan konsep filem Islam. Filem Islam, menurut Naim Ahmad ia perlulah pasti keIslamannya dari semua sudut dan peringkat penghasilan filem, dari proses pasca-penerbitan sehinggalah kepada penayangan filem di pawagam. Kesimpulannya, filem mungkar adalah filem yang mempunyai nilai bertentangan dengan agama Islam pada mana-mana peringkat penghasilan ini.

Walaubagaimanapun, jika dilihat secara umum kepada idea filem Islam yang diketengahkan oleh Naim Ahmad ini, ia seperti sebuah idea sukar untuk dicapai. Hal ini kerana penilaian nilai keIslaman tidak hanya tertumpu pada teks filem semata-mata, malah

ianya meliputi keseluruhan proses penghasilan sesebuah produk filem. Proses penghasilan filem bukan ditunjangi oleh satu pihak, malah ia terdiri dari banyak pihak yang mempunyai pelbagai anutan kepercayaan. Justeru, latar yang rencam ini sedikit-sebanyak menyulitkan lagi proses pemaknaan filem Islam yang sejati.

Terdapat satu perkara menarik yang perlu diperhatikan pada perlawanan konsep filem Islam-filem mungkar ini, di mana wujudnya ruang kosong yang Naim Ahmad namakan sebagai filem berunsurkan Islam (Naim Ahmad 2011:162). Berbeza dengan idea filem Islam yang dilihat terlalu rumit untuk diteliti, konsep filem berunsurkan Islam bersifat lebih pragmatik. Hal ini kerana, Naim Ahmad (2011:162) menyatakan bahawa filem berunsurkan Islam “hanya membawa nilai dan etika Islam pada mana-mana aspek filem”. Nilai Islam berkemungkinan terdapat pada salah satu aspek filem plot, lagu tema, watak dan sebagainya.

Idea alternatif dari Naim Ahmad ini adalah sebuah idea yang baharu, maka ia masih kurang mendapat runtkaian dari dunia akademik. Beliau sendiri masih belum mengemukakan komponen atau pola asas kepada idea yang dikemukakan ini. Sebagai contoh, apakah aspek filem yang perlu diutamakan di dalam usaha mendukung nilai Islami? Atau adakah memadai dengan meletakkan nama Allah S.W.T pada setiap permulaan filem? Persoalan-persoalan sebegini memerlukan suatu analisis terperinci bagi memastikan tiada penyalahgunaan serta herotan idea yang berlaku di kalangan masyarakat terutamanya para sarjana.

Terdapat kajian yang telah dijalankan sebelum ini yang menggunakan idea filem berunsurkan Islam. Namun begitu, terdapat kelonggaran dari segi penggunaannya. Sebagai contoh, satu kajian yang telah dijalankan oleh Rosmawati Mohamad Rasit (2012:153). Kajian ini telah menggunakan terjemahan Bahasa Inggeris yang kurang tepat apabila menterjemahkan perkataan “berunsurkan” kepada perkataan “based”. Perkataan Bahasa Inggeris “based” ini apabila diterjemahkan kepada Bahasa Melayu akan menjadi “berasaskan”. Kedua-dua perkataan iaitu “berunsurkan” dan “berasaskan” membawa maksud yang sangat berbeza mengikut definisi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia ([www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my)). Penggunaan terjemahan yang kurang tepat ini telah membawa kepada herotan makna kepada idea yang dikemukakan oleh Naim Ahmad. Perkataan “asas” bermaksud sesuatu yang mendasari atau tapak kepada sesuatu, manakala perkataan “unsur” bermakna bahagian-bahagian yang mengisi sesuatu. Justeru, makalah ini cuba mengekalkan penggunaan perkataan asal yang diketengahkan oleh Naim Ahmad.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang telah menggunakan terma filem berunsurkan Islam secara longgar. Kajian yang dilakukan oleh Abdullah Yusoh et al. (2010:131) ini telah menggunakan terma “filem berunsurkan Islam” tanpa mengemukakan definisi filem berunsurkan Islam secara terperinci dalam makalah. Penggunaan terma yang tidak jelas mempunyai risiko untuk disalah erti oleh khalayak. Penggunaan terma asas yang penting seperti ini sepatutnya diperjelaskan ciri-cirinya dengan lebih mendalam agar masyarakat khususnya golongan sarjana dapat membezakan di antara filem berunsurkan Islam dengan filem-filem yang lain.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan mengenai idea filem berunsurkan Islam ini, dapat dipastikan bahawa idea ini masih belum lagi diterokai oleh para sarjana menerusi kajian-kajian yang komprehensif. Oleh yang demikian, makalah ini bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada pengukuhan serta penjelasan definisi yang telah dikemukakan.

## WANITA DALAM FILEM

Representasi wanita dalam filem telah banyak mendapat kritikan dari para sarjana filem. Ketidakseimbangan di antara representasi lelaki yang lebih cenderung ke arah positif dan wanita lebih ke arah negatif seringkali dibincangkan. Perkara ini dapat dilihat menerusi penulisan Nichols (2010) yang menjelaskan bahawa menerusi analisis filem yang dilakukan, kebanyakan teknik penceritaan filem mempunyai corak penceritaan yang serupa. Majoritinya akan menonjolkan tentang peranan watak lelaki yang memberikan sumber kepada wanita bagi kelangsungan kehidupan harian, watak lelaki juga bersifat aktif dan wanita bersifat reaktif terhadap sesuatu situasi. Malah, watak lelaki juga dikonstruksi sebagai seorang yang menguasai ruang luaran serta dalaman manakala wanita hanya menguasai ruang dalaman sahaja.

Wanita juga adakalanya dijadikan mangsa keganasan dalam filem, malah ia juga dijadikan sebagai watak yang sering dikaitkan dengan industri seks. Dalam satu analisis yang dilakukan oleh Boyle (2014), beliau yang melihat perkaitan di antara wanita dan seks dalam filem mendapati wanita dijadikan sebagai pelaris penjualan alatan seks dan menjadi hamba seks. Sebagai contoh, analisis yang beliau jalankan terhadap filem *The Hangover* (2009) mendapati wanita dijadikan sebagai pemuas seks lelaki dan menjadi tarikan pelancongan ke tempat seperti kota Bangkok semata-mata.

Kajian yang dijalankan oleh Azlina Asaari dan Jamaludin Aziz (2013:124) tentang wanita dan saka di dalam filem Melayu pula mendapati “genre seram filem versi Malaysia sering menjadikan wanita sebagai makhluk asing”. Hal ini menunjukkan bahawa adalah sesuatu yang sukar untuk wanita menjadi dominan atau menguasai naratif konvensional jika mereka hanya sekadar menjadi watak manusia yang normal. Wanita perlu melalui proses menjadi “tidak normal” untuk mereka mencabar naratif konvensional yang dikuasai oleh lelaki.

Representasi wanita sebagai seorang manusia normal yang mempunyai kerjaya profesional dalam filem pula sering diherotkan. Dalam kajiannya mengenai peguam wanita di dalam filem, Banks (2011) mendapati representasi watak wanita yang profesional telah diherotkan. Majoritinya, watak seperti ini didapati akan mempunyai masalah yang berkisar dengan isu bersifat peribadi seperti isu perkahwinan dan juga isu pengurusan waktu. Menurut beliau lagi, kebanyakan watak-watak ini hanya dijadikan sebagai medium bagi menimbulkan isu atau pencetus isu dalam filem sahaja.

Justeru, melalui kajian-kajian yang lalu jelas menunjukkan bahawa representasi di antara gender masih lagi jauh dari menemui titik keseimbangan. Watak-watak wanita dilaporkan sering mendapat representasi negatif dan lemah, berbanding dengan watak-watak lelaki yang lebih positif. Oleh yang demikian, makalah ini melihat sama ada watak wanita dalam filem berunsurkan Islam turut dibelenggu masalah yang serupa dengan genre-genre yang lain ataupun sebaliknya.

## TEORI ILMU SOSIAL PROFETIK

Dalam usaha mendepani cabaran kemajuan teknologi pada hari ini, umat Islam perlu menjadi lebih kreatif dan produktif bagi mencari penyelesaian sesuatu permasalahan. Umat Islam yang terlibat dalam dunia sains sosial contohnya, tidak boleh hanya bergantung penuh kepada penyelesaian akademik yang dikemukakan oleh dunia barat semata-mata. Menurut Ahmad

Munawar Ismail dan Mohd. Nor Shahzan Ali (2014) umat Islam pada hari ini hendaklah mempunyai cara penyelesaian yang unik serta tersendiri, yang diasas berdasarkan kerangka agama Islam. Gabungan ilmu sains sosial dan ilmu wahyu agama Islam membolehkan umat Islam melakukan pengkajian sains sosial berdasarkan acuan nilai serta etika yang bertepatan dengan kehendak agama Islam.

Penelitian terhadap teks yang bersifat keagamaan memerlukan kaedah khas yang sesuai dengan kepercayaan agama tersebut. Menurut Last (2012) teks yang bersifat kepercayaan atau keagamaan tidak boleh dianalisis mengikut cara biasa yang digunakan pada teks bukan keagamaan. Kaedah ini pula mestilah dilihat dan dibina berdasarkan sumber kepercayaan sesebuah agama seperti manuskrip, kitab-kitab wahyu ataupun karangan sarjana yang berautoriti. Sebagai contoh, bagi teks filem berunsurkan Islam, ia tidak boleh menggunakan kaedah analisis yang terbina berdasarkan sumber agama lain selain agama Islam kerana agama Islam mempunyai nilai, visi dan misi yang tersendiri.

Dalam sistem perundangan agama Islam pula, terdapat beberapa jenis sumber yang boleh digunakan sebagai panduan kehidupan. Menurut Abdul Azib Hussain (2012:154), “sumber hukum yang disepakati terdiri daripada kitab suci Al-Quran, hadis daripada nabi, perbincangan ahli ilmu serta qiyas.” Justeru, kaedah analisis filem berunsurkan Islam perlu dibina berdasarkan dari salah satu sumber hukum ini. Bagi analisis makalah ini, kami mengaplikasikan sebuah teori yang terhasil daripada kitab suci Al-Quran iaitu teori Ilmu Sosial Profetik.


Teori ini diasaskan oleh Kuntowijoyo berdasarkan salah satu daripada ayat suci kitab Al-Quran, iaitu ayat 110 dari surah Ali-Imran yang bermaksud:

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.”*

(Al-Quran, Ali Imran 3, 110)

Ayat ini dirumuskan menjadi tiga prinsip utama iaitu “Humanisasi”, “Liberasi” dan “Transendensi” (Kuntowijoyo 2004:5). Prinsip-prinsip Teori Ilmu Sosial Profetik dapat dirumuskan seperti rajah di bawah:

**Rajah 1: Teori Ilmu Sosial Profetik**



Walaubagaimanapun, makalah ini hanya memberi fokus kepada prinsip yang pertama iaitu Humanisasi. Prinsip Humanisasi secara ringkasnya bermaksud meletakkan kembali manusia kepada peranannya yang sebenar. Menurut Kuntowijoyo (2001), masyarakat pada era moden ini telah banyak terpengaruh dengan elemen-elemen yang mementingkan nilai individualistik dan kebendaan semata-mata. Secara tidak langsung, manusia telah tersasar dari landasan yang disarankan oleh agama Islam dan hilang sifat nurani kemanusiaan. Justeru, “Humanisasi” adalah sebuah usaha untuk mengingatkan serta membawa manusia berjalan di atas landasan kebenaran menuju keredhaan ilahi.

Berdasarkan tinjauan pustaka yang dilakukan, tidak banyak penggunaan teori ini yang boleh ditemui dalam makalah-makalah ilmiah yang berkaitan dengan bidang media dan komunikasi. Walaubagaimanapun, Kuntowijoyo turut mengaitkan ideanya ini dengan bidang sastera. Produk sastera yang mengaplikasikan teori ini dipanggil sebagai “Sastera Transendental”(Mohd. Faizal Musa 2011:39). Produk yang disebut sebagai Sastera Transendental ini secara umumnya mengandungi ajaran-ajaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. Berdasarkan teori ini, sesebuah produk seni Islam itu harus mengandungi ketiga-tiga prinsip yang diketengahkan.

Kesimpulannya, makalah ini telah menggariskan perkara penting yang menjadi kerangka kepada kajian. Perkara tersebut adalah keperluan kajian filem berunsurkan Islam mempunyai kerangka analisis yang tersendiri. Oleh yang demikian, teori Ilmu Sosial Profetik telah dipilih menjadi kerangka analisis dalam mencapai matlamat utama kajian ini iaitu pengukuhan definisi filem berunsurkan Islam.

## **METODOLOGI**

Kaedah kajian yang digunakan bagi tujuan perolehan data adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Kaedah ini digunakan kerana ia membolehkan pengkaji meneliti nilai-nilai yang tidak objektif dan mengenal pasti corak serta nilai-nilai yang tertentu (Wimmer&Dominick 2006). Kelebihan ini membolehkan kajian mengeluarkan unsur-unsur dalaman yang bersifat mendalam, abstrak dan terselindung disebalik teks yang nyata.

Terdapat beberapa cara bagi menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif ini. Di antaranya dengan memulakan analisis berpandukan konsep atau teori (Zhang&Wildemuth 2009). Melalui cara ini, kami hanya menumpukan kepada data-data yang menepati konsep atau teori yang digunakan sahaja. Dalam makalah ini, analisis adalah berpandukan teori Ilmu Sosial Profetik, dengan memfokuskan hanya kepada elemen “Humanisasi”.

Dua buah filem arahan Hanung Bramantyo , iaitu *Ayat-ayat Cinta* (2008) dan *Perempuan Berkalung Sorban* (2009) telah dipilih sebagai sampel kajian. Filem-filem ini dipilih menerusi teknik persampelan bertujuan. Dengan menggunakan teknik ini, sampel atau filem dipilih berdasarkan tujuan kajian, konsep dan nilainya yang tersendiri (Chambliss & Schutt 2010). Teks filem dari Indonesia menjadi fokus kerana ia adalah di antara negara yang dilihat paling produktif dalam penghasilan filem yang mempunyai nilai-nilai Islam (Rosmawati Mohamad Rasit et al. 2012).

Filem *Ayat-ayat Cinta* (2008) dipilih berasaskan keistimewaannya yang tersendiri. Ia adalah sebuah filem yang telah berjaya membentuk satu fenomena baharu filem berunsurkan Islam di Indonesia di mana ia telah berjaya membuat sepuluh kali ganda salinan filem melebihi filem-filem biasa yang lain (Ahmad Nuril Huda 2010). Sebanyak 3.7 juta penonton

dari pelbagai latar telah dicatatkan dalam tempoh sebulan penayangannya. Ahmad Nuril juga berkata bahawa filem ini juga telah digunakan sebagai salah satu alat bantuan mengajar di institusi-institusi pendidikan di sekitar Indonesia.

Bagi filem *Perempuan Berkalung Sorban* (2009) pula, ia dipilih kerana tarikannya dari segi jumlah tontonan. Namun, berbeza dengan filem *Ayat-ayat Cinta* yang sering mendapat pujian, filem ini sering mendapat kritikan dari pihak-pihak dan institusi keagamaan di Indonesia kerana dianggap memaparkan nilai Islam yang salah (Ambok Pangiuk 2010). Selain daripada itu, filem ini juga mempunyai keunikannya yang tersendiri di mana ia memaparkan perjuangan seorang wanita menegakkan kebenaran dan menentang ideologi patriarki yang mendominasi hukum Islam bagi kepentingan peribadi.

Sebagai satu langkah awal di dalam mengesan pola asas yang menjadi tunjang kepada idea filem berunsurkan Islam, makalah ini mengambil aspek terpenting di dalam filem sebagai tujahan kajian. Terdapat sebahagian para sarjana yang bersetuju bahawa aspek watak adalah aspek yang terunggul bagi sesebuah teks filem (Armer 1993, Waldeback & Batty 2012). Bagi sarjana yang mengatakan watak sebagai aspek terpenting, mereka berpendapat bahawa wataklah yang memperjalankan sesebuah filem dari awal sehingga ke akhirnya. Selain daripada itu, watak menjadi ejen penarik kepada penonton untuk mengikuti perkembangan naratif sesebuah filem. Bertolak dari pendapat ini, maka makalah ini telah memilih aspek watak sebagai fokus analisis.

Memandangkan aspek watak dianggap sebagai pemacu sesebuah filem dan sering menjadi perhatian penonton, maka watak tidak boleh diremehkan penampilannya. Contohnya, jika sesebuah filem berunsurkan Islam memaparkan watak wanita dalam keadaan yang negatif dan tidak realistik, ia akan membuka ruang keraguan dan perdebatan mengenai nilai keIslaman filem tersebut. Sebagai sebuah produk berunsurkan Islam, aspek terpenting ini haruslah dijaga dan dipelihara agar ia tidak mencemarkan keseluruhan hasil produk.

Watak wanita dalam filem adalah salah satu fokus kajian yang sering menjadi perhatian analisis akademik. Majoriti hasil kajian menunjukkan watak wanita sering diabaikan kepentingannya serta sering menjadi unsur atau objek sokongan kepada watak lelaki (Graydon 1991, Nichols 2010, Smelik 1999). Kesemua pemerhatian dan kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana ini dilakukan pada filem-filem yang bukan berunsurkan Islam. Sehingga kini, masih belum ada kajian yang menjalankan pemerhatian terhadap watak wanita dalam filem berunsurkan Islam. Justeru, makalah ini menjadikan watak wanita sebagai tumpuan kajian bagi proses perolehan data.

Kesimpulannya, makalah ini telah membentangkan beberapa peringkat di dalam proses mendapatkan data. Urutan bagi proses tersebut bermula dengan kaedah kualitatif, analisis menggunakan teori Ilmu Sosial Profetik terhadap watak wanita dan seterusnya kepada perbincangan.

## **ANALISIS**

Analisis dilakukan terhadap watak wanita dalam filem menggunakan Teori Ilmu Sosial Profetik yang hanya memfokuskan kepada elemen "Humanisasi". Filem dianalisis satu persatu, dimulakan dengan filem *Ayat-ayat Cinta* (2008) dan seterusnya filem *Perempuan Berkalung Sorban* (2009).



Terdapat beberapa watak wanita yang boleh dilihat dalam filem *Ayat-ayat Cinta* secara umumnya. Namun, analisis dilakukan hanya pada watak-watak utama dan yang menonjol di sepanjang naratif. Bagi filem ini, terdapat satu watak wanita yang secara jelas mendukung prinsip “Humanisasi”. Watak wanita tersebut adalah Aisyah, iaitu watak isteri kepada teraju utama filem yang bernama Fahri.

Watak Aisyah memaparkan prinsip “Humanisasi” ketika babak di mana beliau dan suaminya iaitu Fahri bertemu seorang sahabat bernama Maria yang sedang terlantar sakit. Pada babak ini, Aisyah bertindak menyokong dan menyarankan agar suaminya menikahi Maria yang sekian lama telah menaruh perasaan kepada Fahri dengan berkata, “*Nikahilah Maria, ada diri muslimah dalam Maria, dia perlukan kamu*”. Sebagai seorang isteri dan wanita yang solehah, Aisyah mengerti akan peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkannya. Saranan Aisyah kepada Fahri ini bukanlah berasaskan kepada emosi, akan tetapi dengan kesedaran terhadap tiga perkara.

Perkara pertama adalah pengetahuannya tentang hubungan persahabatan Fahri dengan Maria yang utuh. Menyarankan agar Fahri berkahwin dengan Maria mungkin dapat mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan seperti zina, penipuan dan sebagainya, apatah lagi Aisyah mengetahui kemampuan suaminya untuk berpoligami. Ibadah poligami juga adalah dibenarkan dengan agama Islam seperti yang terdapat di dalam surah An-Nisa’, ayat ke 3 yang bermaksud:

*“Nikahilah wanita-wanita (lain) yang kalian senangi masing-masing dua, tiga, atau empat—kemudian jika kalian takut tidak akan dapat berlaku adil, kawinilah seorang saja”*

Kedua, Aisyah juga sedar bahawa perkahwinannya dengan Fahri yang belum dikurniakan rezeki zuriat, maka perkahwinan dengan Maria mungkin mampu memberikan Fahri zuriat yang akan menjadi penyambung generasi umat nabi Muhammad S.A.W. Sikap Aisyah yang sanggup mengenyahkan keegoan dan sanggup berkongsi kasih suami demi melihat kebahagiaan yang berpanjangan ini adalah satu langkah yang mengingatkan kembali manusia bahawa kebahagiaan yang berkekalan bukan di dunia yang sementara ini, akan tetapi di syurga. Meskipun Aisyah dilihat mempunyai segalanya seperti kemewahan dan lahir dalam sebuah keluarga yang berpengaruh di Kaherah, namun ia tidak mengurangkan nilai-nilai kemanusiaan Aisyah.

Ketiga, Aisyah dapat melihat potensi besar dalam diri Maria untuk menjadi seorang Muslimah yang baik. Keikhlasan serta pengetahuan Maria tentang Islam telah membuka ruang untuk Aisyah merestui perkahwinan suaminya dengan Maria. Dengan kemampuan serta pengetahuan Fahri yang berkelulusan dari Universiti Al-Azhar, perkahwinan ini bakal menjadi wahana baharu bagi aktiviti dakwah Fahri kepada orang bukan Islam. Sebagai contoh, ketika adegan ini berlaku, ia disaksikan oleh ibu Maria, iaitu seorang penganut agama Kristian. Pengorbanan serta keikhlasan terhadap agama Islam yang ditunjukkan oleh Aisyah ini telah memberikan imej positif agama Islam kepada yang bukan Islam. Hal ini secara tidak langsung telah membuka jalan kepada seorang yang bukan Islam melihat keindahan sebenar ajaran yang terkandung dalam agama Islam. Tindakan Aisyah ini secara keseluruhannya dianggap Humanisasi kerana ia suatu tindakan yang mengingatkan manusia untuk kembali mengingati peranan asas manusia dimuka bumi ini iaitu sebagai khalifah di muka bumi. Hal ini sesuai dengan firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Baqarah yang bermaksud:

*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat,  
“Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”*

Bagi filem *Perempuan Berkalung Sorban* (1999) pula, terdapat prinsip Humanisasi yang ditonjolkan oleh watak wanita utama iaitu Annisa. Hal ini dapat diteliti pada babak di mana bapa kepada Annisa iaitu Kyai Hanan, telah memaksa Annisa mengahwini seorang pemuda bernama Samsudin. Cadangan mengahwini Samsudin pada awalnya tidak disenangi oleh Annisa kerana selain bukan pilihan hatinya, Annisa turut menyimpan hasrat untuk menimba ilmu di salah sebuah pusat pengajian tinggi di Jogjakarta. Akan tetapi, disebabkan ingin menjaga kepentingan dan survival politik pusat pengajiannya, Kyai Hanan telah berkeras memaksa perkahwinan ini berlangsung walaupun tanpa kerelaan Annisa. Kyai Hanan menyatakan bahawa keluarga Samsudin telah banyak membantu dalam membangunkan pusat pengajian tersebut dan perlu membalas budi tersebut demi masa depan pusat pengajian Al-Hidayah.

Mendengar kenyataan yang berlandaskan nafsu dan kebendaan daripada Kyai Hanan tersebut, Annisa dengan tegas mengingatkan Kyai Hanan tentang lumrah rezeki yang datang dari Allah S.W.T dan bukannya datang dari manusia. Annisa berkata, “*Abi bilang dari dulu, rezeki itu datangnya dari Allah, kenapa sekarang bilang begini*” Hal ini dilihat selari dengan firman Allah S.W.T menerusi surah Al-Mulk, ayat ke-15 yang bermaksud:

*“Dialah yang telah menjadikan bumi yang mudah kamu jalani (manfaatkan), maka berjalanlah ke segenap penjurunya dan makanlah rezekinya. Dan kepadaNya lah kamu akan kembali”*

Kegusaran Kyai Hanan sebenarnya adalah kerana keluarga Samsudin telah banyak memberikan sumbangan berbentuk kewangan bagi membangunkan pusat pengajiannya. Justeru, menolak pinangan Samsudin pasti akan mengeruhkan hubungan dua keluarga ini dan seterusnya membuatkan pusat pengajian Al-Hidayah kehilangan sumber pendapatan bagi meneruskan operasinya. Oleh itu, Annisa yang menyedari keadaan ini telah cuba menyedarkan bapanya bahawa sebagai orang yang beriman, manusia perlu percaya bahawa rezeki itu bukan datang dari manusia, tetapi datang dari Allah S.W.T.

Dialog berbentuk peringatan daripada Annisa kepada bapanya ini menjadi suara latar bagi adegan yang menunjukkan Annisa sedang berlari keseorangan di sebuah padang. Syot kamera yang diambil bermula dengan *medium close-up*, dan bergerak ke atas ataupun *crane-up* sehingga menghasilkan syot *aerial-view*. Syot ini membentuk suatu mesej tentang sifat lemah manusia sebagai hamba yang mengharapkan pertolongan dari tuhan. Ryan dan Lenos (2012) menyatakan bahawa pihak yang mempunyai kuasa akan dipaparkan berada kedudukan yang lebih tinggi daripada pihak yang lemah. Dalam babak ini, Annisa menghantar mesej yang bersifat Humanisasi dengan mengingatkan kembali manusia tentang peranan serta tujuan asal penciptaannya. Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T, maka kepada Allah S.W.T jualah tempat memohon rezeki dan pertolongan. Hal ini adalah refleksi kepada sikap bapanya yang mengalami proses dehumanisasi apabila mengutamakan kepentingan politik dan ekonomi pusat pengajian berbanding perasaan anaknya sendiri.

Dalam babak di mana Khudori melamar Annisa di sebuah warung, watak Annisa sekali lagi memaparkan prinsip Humanisasi. Khudori telah menyatakan hasratnya mahu menjadikan Annisa sebagai isterinya yang sah dan menyatakan kelebihan yang bakal diperolehi Annisa apabila berkahwin dengannya kelak. Di antara kelebihan yang ditawarkan oleh Khudori kepada Aisyah adalah tanggungan berbentuk material. Annisa yang tersentak dengan kenyataan Khudori terus mengingatkan Khudori bahawa konsep dan visi perkahwinan bukan terletak pada kekayaan yang bersifat material. Annisa berkata kepada Khudori “*Alasan nikah bukan kerana itu Lek, bukan kerana materi*”

Ucapan Annisa ini dilihat membawa mesej Humanisasi kerana Annisa cuba mengingatkan Khudori yang hanyut dengan arus kemodenan yang mementingkan keperluan material semata-mata dan percaya bahawa Annisa dahagakan keperluan material dalam hidupnya. Namun begitu, tanggapan Khudori ini ternyata meleset kerana Annisa sebenarnya menginginkan sebuah kehidupan yang bersifat manusiawi. Keperluan material bukanlah segalanya bagi Annisa kerana kepentingan material semata-mata telah merosakkan hidupnya melalui perkahwinan yang pertama bersama Samsudin.

## KESIMPULAN

Menerusi analisis kandungan filem *Ayat-ayat Cinta* (2008) dan *Perempuan Berkalung Sorban* (2009) yang telah dilakukan, dapat dirangkumkan bahawa terdapat prinsip Humanisasi dalam kedua-dua filem berunsurkan Islam yang dipilih. Jelas kelihatan bahawa watak wanita dalam teks filem yang dipilih mampu membawa nilai-nilai mulia seperti prinsip Humanisasi. Merujuk kembali kepada Surah Ali-I'mran ayat ke-110, ia jelas menegaskan tentang peranan umat Islam secara keseluruhannya, tanpa mengira perbezaan gender.

Oleh yang demikian, dalam usaha menyebarkan mesej-mesej tentang kebaikan dan dakwah Islamiyyah, umat Islam secara keseluruhannya perlu memainkan peranan masing-masing tanpa perlu terikat dengan pecahan gender. Wanita juga seperti lelaki, dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan usaha Humanisasi seperti yang ditegaskan oleh Kuntowijoyo. Walaubagaimanapun, prinsip Humanisasi menurut teori Ilmu Sosial Profetik hanyalah salah satu daripada tiga prinsip yang ada. Bagi mengesahkan sesuatu karya itu adalah karya yang bercitra Islami, ia perlu memiliki ketiga-tiga prinsip yang ada iaitu Humanisasi, Liberasi dan juga Transendensi.

Kesimpulannya, menerusi analisis yang dilakukan, teori ini boleh digarapkan sebagai kerangka analisis sesebuah filem berunsurkan Islam kerana ia mampu mengeluarkan nilai-nilai asas kepercayaan agama Islam dan menyumbang kepada pengukuhan definisi filem berunsurkan Islam. Filem berunsurkan Islam dapat difahami sebagai filem yang mengandungi prinsip Humanisasi pada mana-mana watak wanita dalamnya.

## RUJUKAN

*Al-Quran*.

*Ayat-ayat Cinta*. (2008). Filem Cereka. Jakarta: MD Pictures.

Abdul Azib Hussain. (2012). *Manhaj Ilmu Fiqah Dan Usul Fiqah*. Sungai Buloh: Telaga Biru Sdn Bhd.

Abdullah Yusof, Rahimin Affandi Abd Rahim, Nor Adina Abdul Kadir & Nor Hayati Bt Md Dahlal. (2010). Konsep Feminisme Islam di dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. *Jurnal Al-Tamaddun*. 5. 131-147.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali. (2014). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam*. 1. Bangi: Penerbit UKM.

Ahmad Nuril Huda. (2010). Filming *Ayat-Ayat Cinta*. *Journal of Indonesian Islam* 4(1): 43-61.

Ambok Pangiuk. (2010). Perempuan Dalam Film Religius: *Ayat-ayat Cinta* Dan Perempuan Berkalung Sorban. *Kontekstualita* 25(1): 81-112.

Armer, A. (1993). *Writing the Screenplay*. 2. Belmont: Wadsworth.

Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz. (2013). Mencabar Ideologi Maskulin. *Wanita Dan Saka*

- Dalam Filem Seram Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 29(1).113-126.
- Banks, T.L. (2011). *Women Lawyers Betrayed – Again*. Dlm. Radner, H. & Stringer, R. (pnyt.). *Feminism at the movies understabding gender in contemporary cinema*. New York: Routledge.
- Boyle, K. (2014). *Buying and Selling Sex: Sexualization, Commerce, and Gender*. Dlm. Carter, C., Steiner, L. & Mclaughlin, L. (pnyt.). *The Routledge Companion to Media and Gender*, hlm. 259-269. Oxon: Routledge.
- Chambliss, D. F. & Schutt, R. K. (2010). *Making Sense of the Social World: Methods of Investigation*. London: Sage Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. [http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=asas\(tarikh diakses \[19/06/2017\]](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=asas(tarikh%20diakses%2019/06/2017))
- Giannetti, L. (2011). *Understanding Movies*. New York: Pearson Education Inc.
- Graydon, S. (1991). *The Portrayal of Women in Media: The Good, the Bad, and the Beautiful*. Dlm. Singer, B. D. (pnyt.). *Communications in Canadian Society*, hlm. 143-171. Hartford: Capital Press.
- Gringeri, C., Barusch, A. & Cambron, C. (2013). *Examining Foundations of Qualitative Research: A Review of Social Work Dissertations, 2008-2010*. *Journal of Social Work Education* 49(4): 760-773.
- Jamaluddin Aziz. (2014). *In Conversation: Dain Said on Bunohan, Creative Filmmaking and the Malaysian Film Industry*. *Wacana Seni* 13(85-95).
- Kozlovic, A. K. (2007). *Islam, Muslims and Arabs in the Popular Hollywood Cinema*. *Comparative Islamic Studies* 3(2): 213-246.
- Kuntowjoyo. (2001). *Muslim Tanpa Masjid*. Bandung: Mizan.
- Kuntowijoyo. (2004). *Ilmu Sosial Profetik Sebagai Geraka Intelektual*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Last, R. (2012). *A Style-Sensitive Approach to Religion and Film*. *Numen: International Review for the History of Religions* 59(5/6): 545-563.
- Mahmud Yunus. (2010). *Tafsir Quran Al-Karim*. Batu Caves: Victory Agencie.
- Mohd. Faizal Musa. (2011). *Wacana Sastera Transendental*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2): 29-40.
- Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam: Satu Perbicaraan*. Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Nichols, B. (2010). *Engaging Cinema: An Introduction to Film Studies*. New York: W. W. Norton & Company.
- Perempuan Berkalung Sorban*. (2009). Filem Cereka. Jakarta: Starvision Plus.
- Pramaggiore, M. & Wallis, T. (2011). *Film: A Critical Introduction*. Edisi ke-3. London: Laurence King.
- Rosmawati Mohamad Rasit. (2012). *The Position of Religious Malays Films in Malaysia from the Perspectives of Islamic Da'wah*. *Jurnal al-Hikmah* 4(148-160).
- Rosmawati Mohamad Rasit, Md. Salleh Hj. Hassan, Mohd. Nizam Osman & Muhammad Sham Shahkat Ali. (2012). *Relationship of Viewing Islamic Based Films with Pro-Social Personality among Teenaged Audience*. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 28(1): 107-120.
- Rozdan Mazalan. (2011). *Lpf, Finas Perlukan Panel Syariah*. [21/4/2015].
- Ryan, M. & Lenos, M. (2012). *Film Analysis: Technique and Meaning in Narrative Film*. New York: The Continuum International Publishing Group Inc.
- Smelik, A. (1999). *Feminist Film Theory*. Dlm. Cook, P. & Bernink, M. (pnyt.). 2. *The Cinema Book*, hlm. 353-365. London: British Film Institute.

- Waldeback, Z. & Batty, G. (2012). *The Creative Screenwriter: Exercises to Expand Your Craft*. London: Bloomberg Publishing.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. (2006). *Mass Media Research: An Introduction*. Belmont: Thomson Higher Education.
- Zhang, Y. & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative Analysis of Content. Dlm. Wildemuth, B. (pnyt.). *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*, hlm. 308-319. Westport: Libraries Unlimited.

**Biodata:**

Mohd Helmi Yusoh adalah seorang pelajar siswazah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau tertumpu pada pengajian media, budaya dan agama. Beliau boleh dihubungi di [helmiyusoh@yahoo.com](mailto:helmiyusoh@yahoo.com).

Jamaluddin Aziz adalah Professor Madya dalam bidang Media dan Budaya di Pusat Impak Media dan Industri Kreatif, FSSK, UKM. Penulisan beliau menggabungkan bidang kajian filem, gender, wacana dan budaya. Beliau merupakan Ketua Program Media dan Komunikasi dan boleh dihubungi di [jaywalk@ukm.edu.my](mailto:jaywalk@ukm.edu.my).